



**MAJLIS PELANCARAN MINGGU KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 2016 PERINGKAT
KEBANGSAAN**

9 OGOS 2016

UCAPAN ALUAN OLEH:

YBhg Dato' Ir. Mohtar bin Musri

**Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan Malaysia**

Disediakan oleh:

Sekretariat Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1
Malaysia,

(Mohon rujuk senarai protokol)

1. Terlebih dahulu izinkan saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia kerana telah sudi untuk hadir dan bersama-sama kita pada pagi ini bagi melancarkan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016 Peringkat Kebangsaan.
2. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Penganjur yang terlibat antaranya ialah Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP), JKPP Sabah dan PERKESO di atas komitmen, semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan bagi menjayakan penganjuran majlis ini menjadi satu kenyataan. Tidak dilupakan juga kepada semua peserta yang hadir pada hari ini, komitmen yang anda tunjukkan dalam sama-sama menjayakan majlis pada hari ini amat saya hargai. Ribuan terima kasih diucapkan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) merupakan satu-satunya agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus, dan menguatkuasakan perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) berdasarkan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) dan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan peraturan-peraturan di dalamnya. Penubuhan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) atau lebih dikenali dengan NCOSH adalah berdasarkan kepada AKKP 1994 bagi menjalankan Sembilan fungsi-fungsi yang disenaraikan di dalam AKKP 1994 termasuklah program promosi KKP bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman serta menyampaikan maklumat terkini berkaitan KKP kepada rakyat Malaysia.

4. Program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kebangsaan merupakan antara aktiviti yang dijalankan oleh pihak NCOSH bagi memupuk kesedaran

dan mempengaruhi masyarakat. Di Malaysia, acara Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja dan Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang disambut setiap tahun adalah 2 acara tahunan utama dalam mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH WEEK) adalah satu acara tahunan yang disambut setiap tahun susulan daripada kelulusan dan arahan Kabinet pada 24 Mei 2006. Tema pada tahun ini adalah **“SoHELP - Memperkasa Higien Industri”**. Tema ini dipilih kerana kebelakangan ini kes-kes melibatkan penyakit dan keracunan pekerjaan banyak dilaporkan kepada pihak Jabatan. Ini menunjukkan pihak Jabatan sentiasa serius terhadap isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan para pekerja di Negara ini dan ianya tidak boleh diabaikan.

6. Sebagai contoh, apabila berlaku laporan berkaitan penyakit pekerjaan, ianya dapat dielakkan dan dicegah jika pekerja dan majikan mematuhi segala prosidur kerja selamat. Prosidur ini adalah salah satu cara pencegahan yang diterapkan didalam aktiviti kerja bagi mengelakkan perkara sedemikian berlaku. Seperti kata pepatah, mencegah lebih baik daripada merubati. Jesteru itu, budaya pencegahan haruslah diterap dan disemat didalam minda pekerja dan majikan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Pelbagai program dan aktiviti dirancang dan dijalankan bagi menjayakan sambutan minggu KKP. Antara tujuan minggu KKP ialah:

- I. Mempromosi dan menjadikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sebagai satu agenda penting negara dalam melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;

- II. Menyampaikan maklumat terkini berkaitan isu-isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disamping mewujudkan perkongsian maklumat pintar diantara kerajaan, majikan dan pekerja;
- III. Memberi penjelasan dan penekanan terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada kumpulan sasaran menerusi perkongsian ilmu pengetahuan dan pembentukan budaya KKP supaya tanggungjawab mereka yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dapat diiberi penekanan bagi mengurangkan kemalangan, penyakit pekerjaan dan keracunan yang secara tidak langsung akan dapat meningkatkan produktiviti dan melahirkan pekerja yang selamat dan sihat;
- IV. Bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang melibatkan pekerja.

8. Selain daripada Majlis Pelancaran pada hari ini, minggu KKP ini juga disambut di seluruh Malaysia dan di antara pengisian programnya ialah :

a. Bengkel Penerangan “*Sytematic Occupational Health Enhancement Level Programme*” (SOHELP);

b. Perkongsian Amalan KKP Baik di Tempat Kerja;

c. Dialog bersama pengamal KKP;

d. Lawatan Teknikal ke Tempat Kerja yang menyertai Program SOHELP;

e. Wawancara KKP di Radio dan TV di seluruh negara;

dan pelbagai program anjuran industri dan NGO berkaitan KKP bagi memeriahkan sambutan Minggu KKP pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia meluangkan masa bagi melancarkan **MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2016 PERINGKAT KEBANGSAAN** pada hari ini.

10. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa penganjur atas usaha mereka bagi memastikan majlis ini berjalan lancar.

Sekian, saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah, Wassalamualaikum w.b.t. Terima kasih.